



# DATO' ONN



Janganlah Aku  
Kaulupakan

333

A

Caadiah Hj. Ibrahim



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA



7/11/2019.

**DATO'**  
 **NN**  
Janganlah Aku  
Kaulupakan



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YATASAN  
KEPIMPINAN  
PERDAMA



# DATO' MINN



Janganlah Aku  
Kaulupakan

**Saadiah Hj. Ibrahim**

PUSTAKA PERDANA



1012026

Unit Bahasa dan Pustaka  
Kuala Lumpur  
2016



# 261669

KK 899-320-0502011-46-1800-30101

Cetakan Pertama 2016  
© Saadiah Hj. Ibrahim 2016

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam Penerbitan

Saadiah Hj. Ibrahim,

DATO' ONN : JANGANLAH AKU KAULUPAKAN/ Saadiah Hj. Ibrahim.

ISBN 978-983-46-1800-1

1. Malay fiction. I. Judul.

899.2333

Dicetak oleh  
ETM PRIMA SDN. BHD.  
No. 133 & 135, Jalan SBC 1,  
Taman Sri Batu Caves,  
68100 Batu Caves, Selangor.

899.2333  
SAA

# 1

**D**IA langsung turun ke Batu Pahat pada keesokan harinya. Kedua-dua belah kakinya akan berdiri sebagai saksi bahawa berpijaknya dia di atas bumi yang sedang bergelut dengan bahaya itu menjadi langkah penentu akan sejauh manakah kesanggupannya dalam memikul sebuah amanah. Amanah yang diletakkan ke bahunya dalam menentukan sama ada akan hitam atau putihkah nasib penduduk bandar kecil yang baru hendak belajar bertatih mengecap nikmat pembangunan hasil peninggalan titik peluh Dato' Mohd. Salleh bin Perang itu.

Bukanlah sesuatu yang mudah untuk memelihara nikmat pembangunan yang telah ditinggalkan oleh Dato' Bentara Luar itu dalam suasana Batu Pahat yang sedang menjadi gelanggang kekejaman manusia yang tidak berperikemanusiaan itu.

## Dato' Onn: Janganlah Aku Kaulupakan

Ruang dahi Dato' Onn berkerut-kerut kerana terlalu memikirkan masalah yang semakin berada di tahap sangat meruncing itu. Dia mengeluarkan sapu tangan yang tersorok di dalam saku seluarnya lalu mengesat peluh yang berjurai-jurai di sekitar ruang dahi serta kedua-dua belah sisi pipinya. Sekali-sekala dia menengadahkan ke tubir langit yang sedang diselubungi oleh warna-warna kemurungan.

Melihat ke dada langit, sesungguhnya hatinya bagaikan dapat membaca apakah yang sedang berlaku di bawah kembang payung langit itu. Memang, di bawah langit itulah duduknya kawasan-kawasan yang dijadikan padang huru-hara manusia Si Bintang Tiga itu. Sesungguhnya Si Bintang Tiga telah melukakan perasaan terlalu ramai orang yang lahir dari berbagai-bagai sulur bangsa, terutama sekali bangsa Melayu, termasuk dirinya sendiri yang berdiri sebagai pembela nasib anak bangsa.

Selaku anak Melayu yang dilahirkan melalui keluarga yang berbudi serta penuh pertimbangan, tidak mungkin ada sikap berat sebelah dalam membuat suatu pembelaan. Namun sebagai manusia, jika di hadapan matanya terjadi perkara-perkara yang sangat melampaui batas-batas kemanusiaan, hati manusianya tidak boleh tidak, tetap akan bangkit menyatakan bantahan. Bahang panas yang membara-baru di dalam dadanya menjadi neraca tinggi rendahnya maruah bangsa. Apatah lagi apakala sudah ada orang yang cuba mencabar maruah bangsanya.

Dato' Onn mengacip kedua-dua belah bibirnya untuk menahan gegaran rasa marah yang mulai hendak bermaharajalela di dalam dirinya. Namun begitu, dia

tahu bahawa dia tidak boleh menurutkan perasaan sahaja dalam menangani masalah yang sedang berlaku di hadapan matanya.

Seketika Dato' Onn mengecilkan matanya sambil menekan-nekan kedua-dua belah hujung keningnya. Hatinya mengetahui, sememangnya masalah yang dicituskan oleh puak Bintang Tiga itu merupakan sesuatu yang tidak boleh dimaafkan langsung.

“Bintang Tiga itu sudah sangat melampau!” katanya dengan suara yang berbau gelodak amarah.

Sambil menggetap-getap bibirnya, Dato' Onn kelihatan mengulangi perbuatan melihat ke serata penjuru langit.

‘Suasana sesuatu kawasan itu dapat ditentukan melalui warnanya,’ bisik hatinya.

‘Tak sudah-sudah mereka membuat angkara,’ katanya lagi di dalam hati, sambil mengerling dinding serta bumbung langit yang seperti sedang terbakar itu.

Melalui warna-warna kelabu, merah, jingga dan hitam yang memenuhi lapisan udara itu, Dato' Onn tahu bahawa ada banyak lagi kawasan yang menjadi sasaran ganas puak pengganas itu.

Asap tebal kelihatan berlari-lari di ruang angkasa, menyebabkan suasana sebahagian daripada langit disepuh oleh kegelapan.

“Di mana pula mereka mengganas?” cetus seorang lelaki separuh umur, sambil menuding ke sudut langit yang sudah hampir separuh ditutupi oleh warna hitam bercampur jingga.

## Dato' Onn: Janganlah Aku Kaulupakan

“Mereka membakar rumah. Mereka membakar kedai-kedai. Penduduk-penduduk kampung menjadi gempar. Semua orang jadi takut. Duduk di rumah takut, takut rumah dibakar. Hendak keluar juga takut, takut kena tembak. Di sana sini ada sahaja orang yang kena belasah,” cerita seorang lelaki yang melewati usia separuh abad, dengan suara yang terketar-ketar.

“Penyiksaan mesti kita hentikan!” balas Dato' Onn dengan suara yang keras.

Keras suara gerombolan penganas bagaikan memasuki ruang kepalanya. Dato' Onn sudah nekad untuk mencari sendiri jalan supaya dapat menamatkan seluruh kesengsaraan yang menghujani penduduk Batu Pahat. Ketakutan tidak boleh dibiarkan berterusan. Mereka juga perlu keluar bekerja. Anak dan isteri mereka perlu diberi makan. Kalau suasana aman dan damai, hati mereka juga akan dapat berasa lapang. Mereka dapat menjalankan apa jua urusan sehari-harian mereka, di mana-mana sahaja.

Malangnya, kemusnahan tidak mengira waktu. Kejahatan terus bermaharajalela. Ratapan dan tangisan kedengaran dari pagi santak ke petang. Ada sahaja orang yang menjadi mangsa.

Dato' Onn menundukkan kepalanya beberapa ketika. Ternyata, air matanya menitis. Betapa tidak, pandangan di hadapan matanya itu sangat mendukacitakan hatinya. Bangkai rumah dilihatnya, sepenuhnya sudah menghitam. Tiang dan palangnya sudah menjadi arang. Atap dan dindingnya sudah hancur lebur menjadi abu.

Dato' Onn lantas menggeleng-gelengkan kepala seraya tangannya mengelap air mata yang luruh. Bagaimana hatinya tidak sangat tersentuh, kalau yang banyak menjadi mangsa penderitaan itu ialah anak-anak bangsanya sendiri? Lebih tersangat sedih hatinya apabila yang menjadi mangsa itu ialah kanak-kanak yang tidak berdosa.

Dada langit yang hitam kemerah-merahan bagaikan memasang nasib malang kepada orang-orang yang tidak berdosa yang bernaung di bawahnya. Perasaannya kembali mendidih apabila melihat banyaknya manusia yang telah menjadi mangsa.

'Saya tidak boleh duduk diam. Saya mesti mengambil tindakan yang tegas sebelum semua harapan berkecai menjadi abu!' kata suara hatinya.

Debu-debu kelihatan berterbangan memenuhi ruang angkasa. Suara manusia malang yang meratapi nasib, kedengaran bagaikan bersahut-sahutan. Banyak kawasan kediaman rakyat yang telah menjadi seperti padang jarak, padang tekukur. Kanak-kanak separuh bertelanjang kelihatan dibaluti warna duka, berlari-lari dengan tidak tentu arah sambil meraung-raung memanggil orang tua mereka yang dibawa pergi entah ke mana oleh talam dua muka yang menjadi tali barut puak penganas. Penganas memaksa rakyat supaya bertuankan mereka.

'Mereka sanggup menyeksa rakyat yang tidak berdosa. Hendak memerintah pula dengan menjalankan kekerasan! Kekerasan akan mengekalkan rasa kebencian!' getus suara hati Dato' Onn.

## Dato' Onn: Janganlah Aku Kaulupakan

Dato' Onn mengerut dahi. Perit rasanya dia hendak menelan segala jenis kemudaratan akibat apa yang dinamakan sebagai kezaliman itu. Seluruh jiwanya tiba-tiba seperti direntap-rentap oleh perasaan sayu yang tidak terkira. Suara tangisan kanak-kanak itu mengingatkannya kepada anak-anak serta cucu-cucunya.

Hatinya bertambah-tambah meruntun.

'Bagaimana kalau nasib mereka itu ditukarkan kepada nasib ahli-ahli keluargaku yang masih sangat kecil itu?' katanya lagi, sendirian.

Suara ratapan kanak-kanak tingkah-bertingkah, sekejap sangat tinggi bagaikan mencecah langit dan sekejap rendah disertai dengan esak-esakan, kedengaran dari merata arah. Anak-anak yang tidak berapa mengerti apa-apa itu terus memanggil-manggil nama orang yang mereka sayangi, sambil lidah mereka mencerca penjahat-penjahat yang telah mengheret tubuh ibu dan bapa mereka pergi dengan cara yang sangat kejam.

"Orang tua mereka disiksa di hadapan mata mereka sendiri, macam mana mereka tidak sedih sangat, Dato'?" ucap seorang wanita separuh usia, dengan linangan air mata.

Dato' Onn cuba menyabarkan wanita yang mempunyai pertalian keluarga dengan beberapa orang kanak-kanak yang bernasib malang itu. Terdengar suara pilunya yang sukar hendak digambarkan dengan kata-kata.

"Mereka sebenarnya mendendami kami. Kami tidak mahu melayan permintaan mereka. Sudahnya kami mereka musuhi. Mereka bunuh ahli keluarga

kami. Mereka bunuh jiran tetangga kami. Mereka sanggup membunuh D. O kami!” jelas seorang pemuda yang menjadi jurucakap bagi pihak penduduk yang mengelilingi Tuan Pegawai Daerah Batu Pahat yang datang melawat kawasan yang diganasi oleh tangan jahat para petualang itu.

Dato’ Onn membisu sejenak. Dia menundukkan kepala kerana sedang mengusahakan agar dirinya tidak menangis di hadapan sekalian yang ada. Butir pengaduan yang sangat menyayat hati serta menyakitkan telinganya yang mendengar itu, ditelitinya dengan sepenuhnya perhatian.

Dato’ Onn mengangkat kepalanya lalu memandang satu demi satu wajah yang sedang diselimuti kedukaan itu. Sementara kumpulan rakyat kelas biasa yang berada di hadapannya itu pula membalas pandangan matanya dengan olak mata yang mengandungi sejuta jalur pengharapan.

Nasib malang mereka masih juga berlarutan. Malapetaka yang melanda ufuk kehidupan mereka begitu bertimpa-timpa. Sudahlah jatuh, ditimpa tangga pula. Begini rupanya nasib yang telah menimpa penduduk di daerah Batu Pahat ini.

Sedih serta simpatinya tidak terkira. Dato’ Onn yakin, dengan semangat yang kuat disertai izin Allah, dirinya akan mempunyai keupayaan menangani tiap-tiap keganasan yang sedang berleluasa itu.

“Perbuatan mereka yang menyemarakkan api permusuhan itu mesti dibanteras!” tegas Dato’ Onn, sambil mengalakan pandangannya ke arah jalan raya.

## **Dato' Onn: Janganlah Aku Kaulupakan**

Dia berjanji akan mengusahakan sesuatu agar keamanan dapat dikembalikan semula.

'Bandar Penggaram mesti terus maju selaras dengan perangkaan arkitek pembangunan Johor yang berusaha untuk membangunkan rakyat, iaitu menyediakan dan menambah segala kemudahan. Bukan pula mahu membantutkannya. Apatah lagi sampai memusnahkannya dengan membuat huru-hara serta menimbulkan sikap permusuhan antara sesama rakyat,' bisik suara sedar Dato' Onn, sambil berjalan menuju ke kenderaan yang sedang menunggu di tubir jalan raya.

## 2

**P**ADA hari itu cuaca kelihatan suram. Tidak ada barang secalit pun warna kegembiraan yang terpamer pada wajah bandar. Kebanyakan orang yang ditemui, tiada seorang pun yang menunjukkan tanda-tanda ceria, sama ada mereka yang menggunakan jalan raya dengan memandu kenderaan, atau mereka yang berjalan kaki. Malah, suasana di dalam bangunan-bangunannya pula, kelihatan diisi oleh orang-orang yang sedang bermuram durja.

Dato' Onn melangkah keluar dari kenderaannya, lalu menjelajahi tempat-tempat yang banyak tercetusnya persengketaan di sekitar bandar yang telah dibangunkan oleh Dato' Bentara Luar itu. Dari satu sudut ke satu sudut, masalah mereka yang sedang menjalankan urusan sehari-harian itu, cuba dikenal pasti olehnya. Dia hendak mengetahui dengan lebih dekat tentang kesulitan

# DATO'



# NN

## Janganlah Aku Kaulupakan

**D**ato' Onn Ja'afar berasal daripada keturunan penting dalam sejarah Johor. Bapanya, Dato' Ja'afar Haji Muhammad pernah menjadi Menteri Besar Johor. Dato' Onn mempunyai hubungan dengan kerabat diraja Johor dan banyak menghabiskan masa di istana Sultan Ibrahim. Dari situ, Dato' Onn mula mengenali adat istiadat istana dan perkembangan politik Tanah Melayu. Dato' Onn melihat masyarakat Melayu mempunyai banyak masalah dari segi politik, pentadbiran, pelajaran dan ekonomi. Kesedaran sosial ini mendorongnya menyertai bidang kewartawanan semasa era pentadbiran penjajah British dan pernah bertugas sebagai pengarang *Lembaga Malaya* dan *Harian Lembaga* dan Dato' Onn bertugas sebagai Pegawai Daerah Batu Pahat. Pelbagai rintangan yang dihadapi dan dilalui oleh Dato' Onn sehingga digelar sebagai pengasas Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO). Ikuti kisah perjuangan Dato' Onn dalam *Dato' Onn: Janganlah Aku Kaulupakan*.

RM20.00

ISBN 978-983-46-1800-1



9 789834 618001

02000

